

21/07/2002

Pelaksanaan penuh 2008 (HL)

Mokhtar Alias

SEREMBAN: Mata pelajaran Sains dan Matematik akan diajar dalam bahasa Inggeris di tahun satu, tingkatan satu dan enam rendah pada semua sekolah kebangsaan mulai tahun depan sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada semua peringkat sekolah menjelang 2008.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata penggunaan bahasa Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran itu di kolej matrikulasi bermula pada 2004 manakala di politeknik pula pada 2008.

Mengenai strategi pelaksanaan dasar baru ini, beliau berkata murid tahun satu akan menggunakan sepenuhnya dua subjek berkenaan dalam bahasa Inggeris pada peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), pada 2008.

Katanya, pelajar tingkatan satu akan mengambil dua subjek itu dalam bahasa Inggeris pada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada 2005 dan seterusnya kumpulan ini mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pada 2007.

"Walaupun kelas atau tingkatan lain tidak terbabit, sekolah-sekolah digalakkan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu," katanya pada sidang media selepas menutup sambutan ulang tahun ke-20 Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Labu, dekat sini, semalam. Turut hadir Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat.

Musa berkata, mesyuarat khas kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Put-rajaya, kelmarin, juga bersetuju memberi galakan kepada guru-guru agar menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Antara galakan itu ialah guru yang mengajar mata pelajaran Sains, Matematik dan bahasa Inggeris berpeluang menikmati kenaikan tiga mata gaji dan elaun khas.

Beliau berkata, guru yang menjadi jurulatih utama dalam bidang Sains, Matematik dan bahasa Inggeris di bawah Malaysian Trainers Development Program akan diberi keutamaan bagi kenaikan pangkat dari DG3 (peringkat ijazah) ke DG2.

"Bayaran elaun khas juga akan diberi kepada guru Sains, Matematik dan bahasa Inggeris yang mengajar di luar bandar," kata Musa.

Bagi melengkapkan guru dengan kemahiran asas berbahasa Inggeris, pihak kementerian akan menyediakan kursus intensif jangka pendek dan panjang termasuk program 'face-to-face immersion', kursus hujung minggu, modul pembelajaran sendiri dan on-line berdasarkan laman web.

Beliau berkata pihak kementerian telah menyediakan peruntukan terhadap intensif baru ini dan butir lanjut akan diumumkan tidak lama lagi.

"Kabinet menganggap pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sebagai satu kepentingan utama negara dan mengarahkan Kementerian Pendidikan memberi perhatian sepenuhnya bagi menjayakan dasar ini," kata beliau.

Menurut Musa, bagi memantapkan dan membolehkan pengajaran ini dapat dibuat dengan lebih berkesan pihak kementerian menyediakan sejumlah peruntukan untuk membekalkan infrastruktur teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti komputer bimbit, projektor LCD, skrin dan bahan interaktif kepada sekolah.

Menteri Pendidikan berkata, bekalan elektrik akan dibekalkan secepat mungkin kepada sekolah-sekolah yang masih tidak mempunyai kemudahan berkenaan, selain dibekalkan dengan bahan rujukan bercorak sains.

Beliau berkata, pihak kementerian sedang menyediakan buku teks dalam bahasa Inggeris untuk kemudahan pelaksanaan dasar ini.

Bagaimanapun, Musa berkata pihaknya masih menunggu keputusan politik berhubung pelaksanaan dasar baru ini di sekolah aliran Cina dan Tamil.

Kata beliau, dalam merangka strategi ini jawatankuasa telah mengambil ulasan, pandangan dan teguran pelbagai pihak termasuk pendidik, ahli akademik, guru-guru, majlis guru besar dan pengetua, kesatuan guru dan orang ramai.